

# Rentetan sejarah kemerdekaan negara

U.M 4/8/07 M/S 4

Oleh HAMIMAH HAMID

**DETIK** kemerdekaan negara amat besar ertinya bagi semua rakyat Malaysia. Baik tua atau muda, turut sama meraikannya, mengenangkan kembali saat-saat perjuangan yang dirintis oleh mereka yang terdahulu.


Semestinya, imbauan-imbauan lalu akan menerjah ke ingatan, menyusuri semula zaman penjajahan oleh Jepun dan British.

Pasti akan terkenang kembali cerita nenek sewaktu zaman Jepun menjajah, betapa payahnya untuk hidup. Letupan bom biasa kedengaran, teriakan dan tangisan dari rumah ke rumah menjadi lumrah.

Kehidupan yang amat sukar. Makan ubi kayu rebus dan terpaksa tunduk kepada arahan penjajah.

Kini, negara sudah mencapai kemerdekaan dan tahun ini menjadi satu sejarah yang amat bermakna kerana Malaysia menyambut ulang tahun yang ke-50.

Sebagai renungan bersama, ikuti kronologi negara mencapai kemerdekaan.



**Tarikh:** 7 Ogos 1949

**Rentetan:** Dalam Mesyuarat Agung UMNO di Seberang Perai, Datuk Onn Jaafar selaku Yang Dipertua UMNO menggariskan beberapa panduan perjuangan UMNO di samping menggesa orang Melayu menerima kaum lain bagi mencapai kemerdekaan.

**Tarikh:** 6 Ogos 1951

**Rentetan:** Datuk Onn Jaafar melepaskan jawatan selepas cadangannya ditolak dan beliau digantikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.



**Tarikh: Januari 1956**

**Rentetan:** Tunku Abdul Rahman mengetahui satu rombongan terdiri daripada empat wakil dari Parti Perikatan dan empat wakil dari Majlis Raja-Raja bertolak ke London untuk membincangkan tentang kemerdekaan Tanah Melayu.

Selepas tiga minggu mengadakan rundingan, pada 8 Februari Perjanjian Kemerdekaan London telah ditandatangani. Kerajaan Britain bersetuju memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos tahun berikutnya.

Sekembalinya Tunku Abdul Rahman dan rombongannya dari London, berita gembira itu telah disampaikan kepada orang ramai pada satu perhimpunan di Padang Merdeka, Bandar Hilir Melaka. Berita tersebut telah disambut dengan penuh kegembiraan oleh semua penduduk Tanah Melayu.

**Tarikh: 30 Ogos 1957**

**Rentetan:** Pada malam 30 Ogos 1957, satu majlis makan malam negara diadakan di Hotel Federal dengan dihadiri tetamu kehormat dan jemputan khas, termasuk orang kenamaan dari istana Inggeris dan negara Komanwel lain.

**Tarikh: 31 Ogos 1957**

**Rentetan:** Pada detik 12 malam 31 Ogos 1957, perjuangan menuntut kemerdekaan akhirnya membuahkan hasil dan impian akhirnya menjadi kenyataan.

Di Padang Kelab Selangor (sekarang Dataran Merdeka), bendera Union Jack diturunkan buat kali terakhir di bumi Tanah Melayu dan bendera Tanah Melayu dinaikkan dengan penuh rasa syukur dan bangga.

**Tarikh: 31 Ogos 1957 (8 pagi)**

**Rentetan:** Bertempat di Stadium Merdeka,

Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia di depan wakil Ratu Elizabeth, Duke Of Gloucester, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris terakhir Sir Donald Mac Gillivray, Raja-Raja Melayu, Gabenor dan orang kenamaan serta berpuluh ribu rakyat mengisytiharkan Kemerdekaan Tanah Melayu yang berdaulat.

Pengisytiharan itu berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, di depan 25 ribu rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Raja-Raja Melayu serta perwakilannya dari 30 negara Komanwel dan negara asing lain.

Sebaik Duke of Gloucester membaca ucapannya yang memansuhkan kuasa pemerintahan Britain di bumi Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman kemudian memberi ucapan sambil melaungkan kalimah keramat 'MERDEKA!' sebanyak tujuh kali.

Serentak itu, bendera Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi lambang perpaduan, keutuhan bangsa dan kedaulatan negara dinaikkan dengan iringan lagu kebangsaan 'Negaraku' yang pertama kali diperdengarkan, diikuti seruan azan dan tembakan meriam.

Dengan perisytiharan itu, berakhirlah cengkaman penjajah Britain dan kuasa baginda ratu ke atas Persekutuan Tanah Melayu, termasuk Pulau Pinang dan Melaka.

Ini adalah satu detik yang sangat penting dalam sejarah tanah air. Akhirnya penjajahan yang telah bertapak sejak tahun 1511 telah dapat dihapuskan.

Dan hingga kini, Malaysia terus makmur dan hidup dalam suasana aman harmoni. Pembangunan negara semakin maju seiring dengan perkembangan teknologi.

Semoga kemerdekaan Malaysia yang ke-50 ini membawa seribu satu rahmat kepada semua.

**Merdeka!**

